

Penyertaan Tenaga Buruh Wanita Berkahwin di Kedah: Kesan Faktor Agama, Anak dan Pendidikan

Lim Hock Eam
Zalina M. Mohaideen
Norehan Abdullah

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh faktor agama, anak dan pendidikan terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Negeri Kedah. Kajian ini mendapati faktor agama (Islam dan bukan Islam) tidak mempengaruhi kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Kajian lalu ke atas wanita berkahwin di Israel yang mendapati agama Islam telah mengurangkan kebarangkalian bekerja wanita mungkin disebabkan oleh pemboleh ubah agama dianuti mewakili kesan diskriminasi agama dalam pasaran buruh dan persepsi masyarakat terhadap wanita berkahwin bekerja. Faktor bilangan anak yang berumur kurang dari enam tahun, didapati mempunyai kesan negatif yang signifikan. Tahap pendidikan didapati tidak signifikan. Namun begitu, melalui interaksi dengan pengalaman kerja, tahap pendidikan memberi kesan positif yang signifikan ke atas kebarangkalian bekerja.

Kata kunci: kebarangkalian bekerja wanita berkahwin; model Probit; kesan faktor agama; kesan anak; kesan tahap pendidikan

ABSTRACT

This paper analyses the influence of religion, children and education level on the married women's probability of work in Kedah. The analyses found that the religion (being Muslim or Non-Muslim) does not influence the married women's probability of work. The previous study that found the Israel Muslim married women having lower probability of work may due to the religious factor has been captured the effect of religious discrimination on labour market, and the community perception on married working women. Number of children below the age of 6 year is found having significant negative influence. The education level is found not significant. Nevertheless, through interaction with previous

working experience, the education level gives positive and significant impact on the probability of work.

PENGENALAN

Berdasarkan Banci Penduduk 1991, daripada jumlah penduduk Malaysia seramai 18.4 juta, hampir separuh daripadanya atau 9.1 juta merupakan kaum wanita. Kira-kira 48% daripadanya adalah wanita yang berada dalam lingkungan umur bekerja (15-64 tahun). Walau bagaimanapun, kadar penyertaan tenaga buruh kaum wanita hanya 41.9%, dan secara keseluruhannya, kaum wanita hanya menyumbang 33.3% daripada guna tenaga negara pada tahun 1991 (Laporan Ekonomi Malaysia 1996). Sumbangan kaum wanita kepada guna tenaga negara yang jauh lebih rendah ini menunjukkan kajian seterusnya perlu dilakukan untuk memahami fenomena ini.

Guna tenaga merupakan salah satu faktor penting dalam pertumbuhan ekonomi. Namun, wanita telah tergolong dalam kategori yang dikenali sebagai *underutilized labor* yang mana ianya perlu ditangani untuk mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Nafziger 1997). Memandangkan hampir separuh daripada populasi Malaysia ini adalah wanita, penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah ini perlu ditingkatkan agar pembangunan negara dapat berjalan dengan lebih lancar dan berdayasaing. Peningkatan kadar penyertaan ini bukan sahaja boleh meningkatkan pendapatan isi rumah tetapi pada masa yang sama boleh membantu mengatasi masalah kemiskinan.

Di Malaysia, negeri Kedah adalah negeri yang mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita terendah selepas Perlis (Laporan Penduduk Negeri Kedah 1991). Berdasarkan Banci Penduduk 1991, kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Kedah hanyalah 36.9% berbanding seluruh Malaysia iaitu sebanyak 41.9%. Dalam usaha menggalakkan peningkatan kadar penyertaan ini, faktor-faktor yang mempengaruhi dan kesannya perlu dikenalpasti.

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan wanita dalam tenaga kerja, tetapi kebanyakannya adalah berasaskan data-data di luar negara dan merujuk kepada keadaan di luar negara. Tambahan pula, data yang digunakan adalah diambil daripada pembancian penduduk yang tidak dikutip khas untuk membuat kajian penyertaan wanita dalam guna tenaga. Maka, ketidak-

cukupan pemboleh ubah sebagai kawalan mungkin membawa *bias* kepada penganggaran yang dilakukan.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan mengukur kesan agama, anak dan pendidikan terhadap penyertaan guna tenaga buruh wanita berkahwin di negeri Kedah. Kajian ini hanya terhad kepada wanita yang berkahwin atau pernah berkahwin sahaja. Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin pula merujuk kepada sama ada wanita ini bekerja atau tidak. Definisi bekerja secara terperinci adalah seperti ditunjukkan dalam Lampiran 2. Memandangkan dari data yang diperolehi tiada maklumat untuk membezakan sama ada wanita berkahwin yang bekerja itu bersifat "kembali semula ke pasaran buruh" (*re-entrant to labour market*) atau tidak, maka isu "*re-entrant*" tidak dapat dikaji.

Kajian ini cuba meningkatkan lagi pemahaman terhadap penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga terutamanya dalam konteks negara sedang membangun. Ciri masyarakat negeri Kedah yang pelbagai kaum dan agama, membolehkan kajian ini mengkaji pengaruh faktor agama (yang selalu diabaikan dalam kajian lalu). Selain itu, kajian ini juga mengukur kesan bilangan anak terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin, dengan mengawal kesan pemboleh ubah lain yang berkaitan seperti kos penjagaan anak. Ini adalah supaya kesan sebenar bilangan anak ini dapat dianggarkan dan seterusnya membuat sumbangan kepada isu kesan bilangan anak terhadap penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga. Seterusnya kajian ini cuba mengukur sejauhmana tahap pendidikan mempengaruhi keputusan wanita berkahwin menyertai guna tenaga.

Dari segi praktikal, pengenalpastian faktor-faktor ini bersama dengan pengukuran kesannya dapat membantu pengubal polisi negeri Kedah mengubal polisi yang sesuai dan berkesan untuk meningkatkan kadar penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga. Kemampuan menarik lebih ramai wanita ke dalam guna tenaga bererti Malaysia boleh mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing. Ini memang seterusnya akan membantu kepada penjimatan pertukaran asing.

Kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu bahagian pertama yang merupakan pengenalan kepada kajian. Ulasan karya mengenai kajian lepas terhadap guna tenaga wanita dibincangkan dalam bahagian kedua. Bahagian ketiga menjelaskan tentang data yang digunakan dan metodologi iaitu model yang digunakan serta rasional pemilihannya. Bahagian keempat mengulas tentang dapatan penganggaran dan interpretasi model. Ini diikuti oleh perbincangan tentang rumusan dan implikasi dasar. Bahagian akhir menyentuh tentang kesimpulan.

ULASAN KARYA

Kesan bilangan anak ke atas guna tenaga wanita memang merupakan fokus dalam bidang kajian ekonomi buruh, khususnya dalam penyertaan guna tenaga wanita berkahwin. Menurut model pemaksimuman utiliti dikemukakan oleh Becker (Becker 1965), wanita berkahwin dijangka rasional dan cuba memaksimumkan utiliti tertakluk kepada kekangan masa, pendapatan wang, dan fungsi pengeluaran. Model ini mengandaikan wanita berkahwin adalah produktif dalam dua tempat, iaitu di rumah dan di tempat kerja. Maka, wanita ini akan membuat keputusan berdasarkan produktiviti-nya secara relatif di dua tempat tersebut agar utiliti boleh dimaksimumkan. Kehadiran anak dijangka akan meningkatkan produktiviti wanita berkahwin berkenaan di rumah dan seterusnya menurunkan kebarangkalian bekerjanya. Dalam konteks rajah model pemaksimuman utiliti, kehadiran anak ini akan menyebabkan kecerunan keluk isokuan semakin curam dengan kecenderungan untuk memilih memperuntukkan lebih masa di rumah (Ehrenberga & Smith 2000). Kehadiran anak ini dijangka meningkatkan kos lepas bekerja wanita berkahwin, iaitu menurunkan insentif untuk bekerja. Apabila insentif berubah, gelagat wanita berkahwin berkenaan dijangka berubah. Maka, secara teori, adalah dijangka anak merupakan faktor penting dalam mempengaruhi kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Secara empirikal, banyak kajian telah dibuat dalam menilai kesan bilangan anak terhadap penawaran buruh wanita berkahwin.

Kajian empirikal dijalankan oleh Nakamura dan Nakamura untuk menganalisis hubungan antara buruh wanita, status anak dan perkahwinan dengan menggunakan data pembancian penduduk Amerika Syarikat bagi tahun 1970 dan 1980 serta data pembancian penduduk negara Kanada bagi tahun 1971 dan 1981 (Nakamura & Nakamura 1994). Mereka mendapati bahawa penyertaan buruh wanita (bujang dan berkahwin) yang tiada anak, adalah lebih tinggi daripada mereka yang berkahwin dan mempunyai anak. Pemerhatian lanjutan mereka terhadap hubungan wanita berkahwin dengan faktor bilangan anak merumuskan bahawa semakin ramai bilangan anak, semakin kurang penyertaan buruh. Walau bagaimanapun, kesan negatif ini bertukar menjadi positif apabila mereka cuba mengawal pembolehubah bilangan minggu bekerja tahun lepas. Ini mungkin disebabkan kesan bilangan anak ini sebenarnya meliputi juga kesan kos penjagaan anak. Bagi mereka yang tidak pernah bekerja, kos penjagaan anak merupakan satu halangan untuk bekerja. Namun begitu, bagi mereka yang telah bekerja, kos ini merupakan *sunk* kos, malah bilangan anak yang meningkat bererti perbelanjaan anak (pendidikan, contohnya) di masa hadapan adalah tinggi.

Maka, keadaan ini akan mewujudkan satu hubungan yang positif antara bilangan anak dengan penyertaan buruh wanita apabila kesan pengalaman kerja dikawal. Kesimpulan ini menunjukkan pentingnya dikawal kesan pemboleh ubah pengalaman kerja serta kos penjagaan anak dalam menilai kesan bilangan anak terhadap penyertaan buruh wanita berkahwin.

Kajian lain oleh Berger dan Black telah mendapati bahawa penerimaan subsidi penjagaan anak meningkatkan kebarangkalian bekerja bagi wanita tidak bersuami (single mother), walau bagaimanapun penerimaan subsidi ini tidak mempunyai kesan signifikan terhadap bilangan jam bekerja wanita tersebut (Berger & Black 1991). Keputusan ini memang konsisten dengan kajian Nakamura di atas, iaitu kedua-duanya menunjukkan bahawa kos penjagaan anak adalah penting dalam menentukan seseorang wanita itu bekerja atau tidak sahaja. Sekali lagi, dapatan ini menunjukkan bahawa dalam mengukur kesan bilangan anak terhadap tenaga buruh wanita, pengawalan kos penjagaan anak adalah amat penting.

Dalam konteks Malaysia, sorotan kajian di Terengganu oleh Rahmah Ismail tentang penyertaan buruh wanita dalam industri kraftangan mendapati penglibatan wanita dalam guna tenaga berkurangan sekiranya mereka mempunyai anak-anak yang berumur kurang enam (6) tahun (Rahmah Ismail 1996). Dapatan ini adalah selaras dengan kajian lalu, iaitu menunjukkan kepentingan faktor anak kurang enam tahun dalam mempengaruhi penyertaan guna tenaga wanita berkahwin.

Menggunakan data pembancian penduduk di Israel pada tahun 1983, kajian oleh Grossbard-Shechtman dan Neuman telah membuka satu dimensi berlainan dalam kajian penyertaan tenaga buruh wanita, dengan melihat secara khusus kepada pengaruh agama dan budaya (Grossbard-Shechtman & Neuman 1998). Seperti yang dinyatakan oleh mereka dalam kajian-kajian penyertaan wanita dalam guna tenaga di Amerika Syarikat yang lalu, faktor budaya yang dipertimbangkan lebih cenderung kepada etnik *black & white* sahaja, dan faktor agama selalunya diabaikan akibat kekurangan data. Perbandingan etnik *black & white* ini tidak semestinya dapat menunjukkan perbezaan antara budaya. Ini adalah kerana budaya di antara dua etnik di Amerika Syarikat sukar lagi dibezakan dan mereka memang berkongsi kebanyakan budaya secara bersama. Dalam konteks ini, faktor institusi budaya dan agama lebih sesuai dijadikan proksi kepada agama yang dianuti.

Kajian Grossbard-Shechtman dan Neuman mendapati bahawa bagi wanita Muslim, faktor utama yang mendorong penglibatan mereka dalam guna tenaga adalah pendapatan suami dan tingkat pendidikan isteri. Penyertaan wanita Yahudi pula lebih dipengaruhi oleh pendapatan suami,

bilangan anak dan umur. Manakala penyertaan wanita Kristian lebih dipengaruhi oleh faktor bilangan anak. Mereka telah menyimpulkan bahawa agama dan bangsa (yang diwakili oleh agama dan etnik yang berbeza) mempunyai pengaruh terhadap penyertaan wanita dalam guna tenaga. Berbanding dengan wanita Kristian dan Yahudi, wanita Muslim didapati meletakkan status sebagai suri rumah mempunyai nilai masa yang lebih tinggi (iaitu, *reservation wage* yang lebih tinggi). Ini bermakna bahawa wanita Muslim didapati mempunyai kebarangkalian bekerja yang lebih rendah berbanding wanita Kristian dan Yahudi.

Institusi agama memang merupakan faktor penting yang boleh mempengaruhi penyertaan kaum wanita dalam pasaran buruh. Misalnya, pendapatan suami adalah dijangkakan boleh mempengaruhi penyertaan kaum wanita di dalam guna tenaga, namun sejauhmana pendapatan suami-isteri yang dikongsi dalam satu keluarga/rumah tangga adalah ditentukan oleh institusi budaya dan agama. Maka, pengukuran kesan institusi agama ke atas kebarangkalian bekerja wanita berkahwin adalah amat penting.

Dalam kajian ke atas wanita British, Ermisch dan Wright mendapati bahawa pendapatan suami adalah penting dalam menentukan sama ada wanita itu bekerja atau tidak bekerja (Ermisch & Wright 1993). Begitu juga dengan kajian di Malaysia, dalam kajiannya, Rahmah menyimpulkan bahawa bagi wanita berkahwin, kadar upah suami amatlah penting di mana kenaikan kadar upah suami mengurangkan masa bekerja wanita di pasaran (Rahmah 1996). Maka, dalam usaha mengukur kesan bilangan anak, agama dan pendidikan, kawalan terhadap pemboleh ubah berkenaan suami amat penting. Data yang diperolehi yang melibatkan lebih dari 20 pemboleh ubah yang termasuk faktor suami, memberi ruang yang agak besar dalam pengawalan kesan pemboleh ubah lain.

DATA DAN METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data keratan rentas yang telah dikutip oleh Norehan et al. (2000) ke atas 826 wanita Kedah dalam lingkungan umur guna tenaga (15-64 tahun) pada tahun 2000. Reka bentuk persampelan adalah gabungan strata dan kelompok yang bersifat rawak. Sifat rawak ini membolehkan penggunaan penganggaran berbentuk *parametric*. Lampiran 1 memberi penerangan tentang reka bentuk persampelan. Memandangkan kajian ini adalah tertumpu kepada wanita berkahwin atau pernah berkahwin, cuma seramai 703 responden boleh dijadikan sampel kajian ini. Definisi anak

adalah termasuk anak tiri atau anak angkat yang berada di bawah tanggungan responden.

Bagi masyarakat negeri Kedah, kebanyakannya adalah penganut agama Islam. Daripada 703 responden, seramai 622 responden adalah yang beragama Islam. Manakala, 81 responden adalah penganut agama Kristian, Hindu, Buddha, agama tradisi Cina, dan lain-lain agama, dengan bilangan seramai 3, 32, 25, dan 21 responden masing-masing.

Di Malaysia, setiap kaum bebas mengamalkan budaya serta agama masing-masing. Maka, pemboleh ubah agama Islam dan bukan Islam merupakan proksi kepada faktor agama. Lampiran 2 menjelaskan definisi dan pengukuran pemboleh secara terperinci.

Proses penganggaran kebarangkalian seseorang wanita itu menyertai tenaga buruh melibatkan cerapan pemboleh ubah bersandar yang berbentuk dikotomi, iaitu sama ada bekerja atau tidak. Maka, penganggaran OLS (ordinary least squares) adalah tidak sesuai seperti yang telah ditunjukkan oleh Greene (Greene 1993:637). Model kebarangkalian yang menggunakan kaedah penganggaran kebolehjadian maksimum adalah lebih sesuai. Sehubungan itu, model kebarangkalian jenis probit adalah dipilih dalam kajian ini. Andaian normaliti dalam model probit seharusnya boleh dipenuhi memandangkan rekabentuk persampelan kajian ini adalah sampel kebarangkalian bersaiz besar iaitu terdiri daripada 703 responden. Antara kajian yang menggunakan model kebarangkalian adalah Ermisch & Wringht (Ermisch & Wringht 1990), Becker dan Black (Becker & Black 1992), dan Grossbard-Shechtman & Neuman (Grossbard-Shechtman & Neuman 1998).

Spesifikasi model Probit adalah seperti berikut:

$$Y_i^* = \beta' X_i + u_i \quad \text{dengan} \quad u_i = \text{white noise error term}$$

$$X_i = \text{matriks pemboleh ubah bebas}$$

$$Y_i = 1 \text{ (jika kerja) if } Y_i^* > 0$$

$$Y_i = 0 \text{ (jika tidak kerja) if } Y_i^* \leq 0.$$

Dengan andaian u adalah tertabur secara normal, kebarangkalian penyertaan wanita dalam tenaga buruh boleh dianggarkan dengan:

$$\begin{aligned} \text{Prob}(Y=1|X) &= \text{Prob}(Y^*>0) = \text{Prob}(\beta'X + u>0) = \text{Prob}(u>-\beta'X) \\ &= \text{Prob}(u<^*X) = \Phi(\beta'X). \end{aligned}$$

Model ini dianggarkan dengan menggunakan kaedah penganggaran kebolehjadian maksimum (maximum likelihood).

PENGANGGARAN MODEL DAN INTERPRETASI

Perbincangan di dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif mengenai responden kajian dan analisis kebarangkalian bekerja.

ANALISIS DESKRIPTIF

Merujuk kepada Jadual 1, daripada seramai 703 responden, didapati 63.87% menyertai tenaga kerja, manakala selebihnya iaitu 36.13% adalah tidak bekerja. Dari segi kumpulan agama, responden penganut agama Islam mewakili 88.48% dan bukan Islam adalah 11.52%. Ini adalah selaras dengan struktur masyarakat di negeri Kedah, iaitu majoriti penduduknya adalah penganut agama Islam.

JADUAL 1. Penyertaan guna tenaga, agama dan pendidikan

	%	Bil.
Penyertaan Guna Tenaga:		
Bekerja	63.87	449
Tidak bekerja	36.13	254
Agama:		
Islam	88.48	622
Bukan Islam	11.52	81
Pendidikan:		
Tidak pernah bersekolah	13.41	94
Tidak tamat sekolah rendah	12.84	90
Tamat sekolah rendah	25.39	178
Tidak tamat sekolah menengah	13.84	97
Tamat sekolah menengah	28.82	202
Tamat kolej/maktab/STPM	4.42	31
Tamat universiti	1.28	9
Umur:		
18 sehingga 30	21.34	150
31 sehingga 42	37.41	263
43 sehingga 54	25.60	180
55 sehingga 64	15.65	110

Nota: Berdasarkan sampel dikutip

Dari segi pendidikan yang dimiliki, kebanyakan responden pernah bersekolah kecuali 13.41% responden yang tidak pernah bersekolah. Seramai 86.59% responden sekurang-kurangnya pernah mendapat pendidikan sekolah rendah. Kebanyakan responden (28.82%) berjaya menamatkan pendidikan sekolah menengah. Terdapat juga di kalangan responden memiliki kelulusan yang tinggi iaitu 4.42% telah menamatkan pengajian di peringkat kolej/maktab/STPM dan 1.28% responden adalah berkelulusan peringkat universiti.

Kebanyakan responden yang dikaji berada dalam lingkungan umur 31 hingga 42 tahun iaitu meliputi 37.41%. Manakala, 25.6% responden yang berada dalam lingkungan umur 43 hingga 54 tahun. Responden yang berumur antara 18 hingga 30 tahun meliputi 21.34% daripada jumlah responden. Mereka yang berada dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun adalah yang paling kecil bilangannya iaitu cuma sebanyak 15.65%.

Maklumat anak dan tanggungan penting dalam mempengaruhi keputusan wanita berkahwin atau pernah berkahwin untuk bekerja atau

JADUAL 2. Bilangan anak

	%	Bil.
Bilangan anak < 6 tahun		
0	45.51	299
1	29.38	193
2	18.87	124
3 sehingga 5	6.24	41
Bilangan anak 6-19 tahun		
0	32.88	216
1	22.07	145
2	20.4	134
3	12.79	84
4	7.76	51
5 sehingga 9	4.1	27
Bilangan anak 20 dan atas		
0	53.58	352
1	9.59	63
2	9.74	64
3	10.2	67
4	7.31	48
5 sehingga 9	9.59	63

Nota: Berdasarkan sampel dikutip

tidak bekerja. Untuk tujuan kajian, maklumat anak ini diringkaskan kepada pemboleh ubah bilangan anak berumur kurang daripada 6 tahun, 6 hingga 19 tahun, dan 20 tahun ke atas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Didapati, 29.38% responden mempunyai seorang anak berumur kurang daripada 6 tahun dan 18.87% responden mempunyai dua orang anak berumur kurang daripada 6 tahun. Bagi kumpulan anak berumur 6 hingga 19 tahun, hampir 60% responden mempunyai bilangan anak antara satu hingga tiga orang.

ANALISIS KEBARANGKALIAN BEKERJA

Apabila menggunakan data keratan rentas, heteroskedastisiti memang merupakan suatu masalah dalam penganggaran model. Untuk mengatasi masalahnya, model ini akan dianggarkan dengan menggunakan *White's heteroscedasticity-consistent variances*, iaitu *heteroscedasticity-robust estimator*.

Analisis kebarangkalian bekerja wanita berkahwin ini memfokuskan kepada tiga faktor utama iaitu agama, anak, dan pendidikan. Faktor berkaitan suami iaitu umur suami (hag & $hag2$), suami bekerja atau tidak ($Dhemp$), tahap pendidikan suami ($Dhq11-6$), pengalaman bekerja suami (hex), status kesihatan suami ($hhea$), interaksi antara pengalaman bekerja suami dengan tahap pendidikan suami ($Dhqleex1-6$) dianggap sebagai pemboleh ubah kawalan. Ini membolehkan kesan faktor agama, anak dan pendidikan dianggar dengan mengawal pengaruh faktor suami. Sehubungan itu, faktor berkaitan suami tidak dilaporkan dan ianya diuji kesignifikan secara bersama sahaja. Walau bagaimanapun, Lampiran 3 menunjukkan penganggaran model yang lengkap. Kod dan keterangan pemboleh ubah yang digunakan boleh dirujuk dalam Lampiran 5.

Model probit bagi wanita berkahwin dianggarkan dan diringkaskan dalam Jadual 3. Model asal yang dianggar menunjukkan bahawa pemboleh ubah suami secara bersama memberi kesan yang agak signifikan (nilai- $p = 0.0078$, berdasarkan ujian kekangan) kepada kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Ini bererti faktor berkaitan suami adalah perlu sebagai kawalan dalam menganggar kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Model asal yang dianggar juga menunjukkan terdapatnya beberapa pemboleh ubah yang tidak signifikan pada aras keertian 10%.

Sebelum menggugurkan pemboleh ubah yang tidak signifikan dalam model asal ini, ujian kekangan (*Wald test*) dilaksanakan untuk memastikan bahawa ketidaksignifikan ini bukan sahaja secara individu tetapi juga secara

JADUAL 3. Model probit dianggarkan dan penilaian kebagusan model

Pemboleh ubah	Model asal		Model baru	
	Pekali Dianggarkan	Nilai-p	Pekali Dianggarkan	Nilai-p
Dbdr	-0.6106	0.004***	-0.5687	0.003***
Age	0.3030	0.008***	0.2351	0.017**
age2	-0.0041	0.003***	-0.0033	0.005***
Dqlf1	-0.5363	0.234	-0.5063	0.213
Dqlf2	-0.5422	0.162	-0.4078	0.24
Dqlf3	-0.4862	0.268	-0.3590	0.365
Dqlf4	-0.7948	0.075*	-0.7931	0.044**
Dqlf5	-0.3936	0.565	-0.1460	0.836
Dqlf6	0.3416	0.771	-0.3223	0.749
EexDqlf1	0.0102	0.768	0.0008	0.978
EexDqlf2	0.0548	0.074*	0.0387	0.167
EexDqlf3	0.0433	0.293	0.0301	0.422
EexDqlf4	0.1575	0.000***	0.1301	0.001***
EexDqlf5	0.3843	0.001***	0.3573	0.009***
EexDqlf6	0.2495	0.126	0.3026	0.054*
Eex	0.0617	0.009***	0.0741	0.001***
Cco	-0.0004	0.301		
Ocodorn	0.0006	0.682		
Ccr	-0.2019	0.503		
Dhom1	-0.0005	0.999	0.1277	0.658
Dhom2	-1.0635	0.014**	-0.9919	0.014**
Dhom3	-0.4823	0.057*	-0.4704	0.051*
Cage06	-0.7957	0.000***	-0.7647	0.000***
Cage619	0.0577	0.483		
Cage20	0.0130	0.875		
Chp	5.4142	0.019**	4.8710	0.031**
Health	-0.3446	0.429		
Oin	-0.0555	0.769		
Agechp	-0.1708	0.005***	-0.1538	0.01***
Ccrc06	0.3530	0.084*	0.2893	0.025**
Dagama	-0.4104	0.138		
cons	-0.9919	0.623	-1.8849	0.271

sambungan

JADUAL 3. sambungan

Pemboleh ubah	Model asal		Model baru	
	Pekali Dianggarkan	Nilai-p	Pekali Dianggarkan	Nilai-p
Faktor-faktor Suami ¹	Ujian Kekangan	0.0078***	Ujian Kekangan	0.0751*
Ujian Kebagusan (nilai-p):		0.0000	0.0000	
% correctly predicted:		0.8100	0.8000	
Pseudo R2:		0.4287	0.4000	

Nota:

1. Faktor-faktor suami adalah hag, hag2, Dhemp, Dhql1-6, Dhqleex1-6 hex Hhea. Faktor-faktor ini dianggap sebagai kawalan.
(Sila rujuk lampiran untuk penganggaran terperinci)
2. * sig pd 10%, ** sig pd 5%, *** sig pd 1%

JADUAL 4. Ujian kekangan (Wald test)

Pemboleh ubah dikekangan kosong	Nilai-p
Model asal: cco ocodorn ccr cage619 cage20 health Dagama oin	0.7844
Model baru: Dqlf1-6	0.4982

bersama. Keputusan ujian kekangan ini dilaporkan dalam Jadual 4 dan didapati tidak signifikan (nilai-p = 0.7844). Oleh itu kajian ini mengangkar model baru dengan menggugurkan pemboleh ubah tidak signifikan (pada 10% aras keertian) tersebut. Model baru yang dianggarkan ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Merujuk kepada Jadual 3, faktor berkaitan suami didapati masih signifikan pada aras keertian 10% secara bersama (ujian kekangan). Ini bererti, dalam model baru ini, faktor berkaitan suami masih diperlukan secara bersama pada aras keertian tersebut. Ujian kebagusan model baru ini amat memuaskan di mana ia menolak H_0 (H_0 : semua $\beta_s = 0$) pada aras keertian 1% dengan kebarangkalian melakukan ralat jenis I berhampiran dengan kosong, nilai-p ≈ 0 . Di samping itu, nilai peratus ketepatan ramalan (% correctly predicted) adalah 80%, dan nilai pseudo R² bersamaan 0.40. Model Probit yang dianggarkan ini memang didapati bagus secara statistik. Maka,

model ini akan digunakan dalam analisis kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Kedah.

Disebabkan oleh sifat model Probit yang tidak linear, kesan pemboleh ubah bebas ke atas kebarangkalian bekerja dinilai secara simulasi. Simulasi ini dilakukan dengan andaian bahawa pemboleh ubah bebas lain adalah mengambil nilai purata masing-masing.

KESAN FAKTOR AGAMA


Dalam kajian ini, pemboleh ubah agama (Dagama) yang merupakan proksi kepada faktor agama mempunyai nilai negatif tetapi tidak signifikan (nilai- $p = 0.138$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa status pegangan agama wanita berkahwin (Muslim atau bukan Muslim) tidak memberi kesan terhadap kebarangkalian bekerja. Dapatan ini bercanggah dengan kajian Grossbard-Shechtman dan Neuman (Grossbard-Shechtman & Neuman 1998). Dengan kata lain, data yang digunakan tidak menunjukkan bahawa faktor agama mempengaruhi kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Kedah.

Perbezaan dapatan ini mungkin disebabkan situasi yang berbeza di antara masyarakat Israel dan Malaysia. Di Malaysia, tiada diskriminasi wujud dalam pasaran buruh wanita berkahwin. Di Israel, kemungkinan besar wujudnya diskriminasi agama dalam pasaran buruhnya. Maka, faktor agama didapati signifikan, dan ia sebenarnya mewakili kesan diskriminasi tetapi bukannya kesan institusi agama seperti mana disimpulkan oleh Grossbard-Shechtman dan Neuman. Malah, kemungkinan juga kesan negatif diperolehi oleh Grossbard-Shechtman dan Neuman ini mewakili persepsi masyarakat yang negatif terhadap wanita berkahwin yang bekerja. Dalam kajian ke atas negara Asia dan Afrika yang majoriti penduduknya adalah Muslim, Boserup dapati bahawa secara tradisinya, masyarakat setuju wanita bekerja tetapi hanya kepada jenis kerja yang sesuai sahaja (Boserup 1970). Tekanan persepsi masyarakat yang negatif terhadap wanita bekerja dijangka membentuk halangan untuk penyertaan guna tenaga wanita terutamanya yang telah berkahwin. Kajian lain yang memfokuskan kepada persepsi masyarakat diperlukan untuk mengesahkan kemungkinan ini.

KESAN FAKTOR ANAK

Jadual 3 jelas menunjukkan bahawa hanya bilangan anak berumur kurang dari 6 tahun (Cage06) merupakan pemboleh ubah yang sangat signifikan (nilai- $p = 0.0000$) dalam menentukan kebarangkalian bekerja wanita

berkahwin. Bilangan anak berumur enam (6) tahun ke atas (Cage619 dan Cage20) tidak mempengaruhi kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Cage06 memberi kesan negatif terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Ini adalah selaras dengan apa yang diperolehi dalam kajian lepas. Selain daripada itu, kesan Cage06 ini juga mempengaruhi kebarangkalian bekerja melalui interaksi dengan penyediaan pusat asuhan (ccrc06). Pemboleh ubah interaksi antara Cage06 dan penyediaan pusat asuhan (ccrc06) adalah didapati signifikan dengan nilai-p bersamaan 0.025. Maka, untuk menilai kesan Cage06, interaksi ini perlu diambilkira. Rajah 1 di bawah menunjukkan kesan Cage06 terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Jadual 5 melaporkan hasil penganggaran kebarangkalian bekerja.




RAJAH 1. Kesan bil. anak < 7 tahun dan pusat asuhan ke atas kebarangkalian bekerja

JADUAL 5. Kesan Cage06 atas kebarangkalian bekerja

Cage06	ccr=0 Pr(kerja)	ccr=1 Pr(kerja)	Beza
0	0.5562	0.5562	0.0000
1	0.2666	0.3692	0.1026
2	0.0826	0.2091	0.1265
3	0.0157	0.0994	0.0837
4	0.0018	0.0392	0.0374
5	0.0001	0.0127	0.0126

Rajah 1 menunjukkan bahawa semakin ramai anak di bawah umur 6 tahun, semakin rendah kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Apabila bilangan anak mencapai 4 orang, kebarangkalian bekerja wanita berkahwin menghampiri nilai kosong. Walau bagaimanapun, bagi wanita berkahwin yang mempunyai kemudahan asuhan anak di sekitar tempat tinggalnya, kebarangkalian bekerja adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tiada kemudahan asuhan anak. Perbezaan dalam kebarangkalian ini adalah tidak linear, di mana, pada bilangan anak melebihi 4 orang, perbezaan ini menghampiri nilai kosong. Kesan interaksi di antara bilangan anak dan pusat asuhan anak ini hanya bererti pada bilangan anak 1 hingga 3 orang. Secara keseluruhannya, penyediaan pusat asuhan anak ini akan meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin (lebih kurang 10%) tetapi ia bergantung kepada jumlah bilangan anak berumur bawah 6 tahun yang dimilikinya.

Bantuan jagaan anak secara percuma (Chp) juga merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Kedah. Ia didapati signifikan pada aras keertian 5%. Chp juga mempengaruhi kebarangkalian bekerja melalui interaksinya dengan umur (age). Simulasi kesan Chp dan interaksinya dengan umur (agechp) ke atas kebarangkalian bekerja adalah ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah. Jadual



RAJAH 2. Kesan bantuan jagaan anak dan umur atas kebarangkalian kerja

JADUAL 6. Kesan bantuan jaga anak secara percuma

Age	Pr(kerja) Chp=0	Pr(kerja) Chp=1	Age	Pr(kerja) Chp=0	Pr(kerja) Chp=1
18	0.1069	0.8050	42	0.3403	0.0228
19	0.1289	0.7932	43	0.3225	0.0138
20	0.1523	0.7789	44	0.3029	0.0079
21	0.1765	0.7620	45	0.2815	0.0043
22	0.2013	0.7423	46	0.2587	0.0022
23	0.2259	0.7195	47	0.2348	0.0010
24	0.2501	0.6935	48	0.2103	0.0005
25	0.2733	0.6640	49	0.1856	0.0002
26	0.2952	0.6309	50	0.1611	0.0001
27	0.3155	0.5942	51	0.1373	0.0000
28	0.3340	0.5541	52	0.1148	0.0000
29	0.3504	0.5107	53	0.0939	0.0000
30	0.3646	0.4646	54	0.0750	0.0000
31	0.3764	0.4163	55	0.0584	0.0000
32	0.3858	0.3667	56	0.0441	0.0000
33	0.3927	0.3169	57	0.0324	0.0000
34	0.3970	0.2680	58	0.0230	0.0000
35	0.3988	0.2212	59	0.0157	0.0000
36	0.3980	0.1777	60	0.0103	0.0000
37	0.3946	0.1386	61	0.0065	0.0000
38	0.3886	0.1046	62	0.0039	0.0000
39	0.3801	0.0761	63	0.0022	0.0000
40	0.3692	0.0532	64	0.0012	0.0000
41	0.3559	0.0356			

6 pula menunjukkan hasil penganggaran kesan bantuan anak secara percuma.

Dalam Rajah 2, pada tahap umur yang muda (18 hingga 33 tahun), bantuan jagaan anak secara percuma sama ada daripada ibu bapa atau saudara mara jelas meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin dengan banyaknya. Sebagai contoh, wanita berkahwin yang berumur 18 tahun dan menerima bantuan jagaan anak percuma, mempunyai kebarangkalian bekerja 80.5% berbanding dengan mereka yang tiada bantuan jagaan anak secara percuma iaitu hanya 10.69%. Walau bagaimanapun, kesan ini akan berkurangan mengikut umur. Ini memang rasional sebab apabila umur wanita berkahwin ini meningkat, umur anaknya juga turut meningkat, dan keperluan bantuan jagaan anak akan berkurangan.

Bagi mereka yang tiada bantuan jagaan anak, terdapat dua bentuk hubungan yang wujud. Merujuk kepada Jadual 6, didapati kebarangkalian bekerja wanita yang berumur antara 18 – 35 tahun meningkat dengan peningkatan umur. Walau bagaimanapun, hubungan ini menjadi negatif selepas wanita berumur melebihi 35 tahun. Maka, kesan umur ini didapati berbentuk kuadratik, iaitu bermula dengan kesan positif, kemudian mencapai maksimum pada umur 35 tahun, dan kemudiannya kesan ini bertukar menjadi negatif.

KESAN TAHAP PENDIDIKAN


Merujuk kepada Jadual 3 (model baru), hampir semua pemboleh ubah patung yang mewakili tahap pendidikan adalah tidak signifikan kecuali tahap pendidikan tamat sekolah menengah. Ujian kekangan semua pekali pemboleh ubah patung tahap pendidikan (Dq1f1-6) adalah kosong dan didapati tidak menolak H_0 (Jadual 4). Walaupun tahap pendidikan tamat sekolah menengah didapati signifikan, ia memberi kesan yang negatif terhadap kebarangkalian bekerja. Ini menggambarkan bahawa pelaburan kerajaan dalam pendidikan sahaja tidak memadai dalam menyediakan dan menggalakkan wanita berkahwin menyertai guna tenaga, malah ia mungkin boleh mengurangkannya. Bercanggah dengan pandangan umum, dapatan kajian mendapati pendidikan, secara sendirinya, tidak meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Kedah.

Walaupun bagaimanapun, tahap pendidikan didapati mempunyai kesan interaksi dengan pemboleh ubah pengalaman bekerja (eex). Pengalaman bekerja dijangka mempunyai hubungan yang kuat dengan kebarangkalian bekerja. Mereka yang mempunyai pengalaman kerja dijangka adalah yang sedang bekerja. Jika semua yang mempunyai pengalaman kerja adalah sedang bekerja, maka, tiada penganggaran dapat dilaksanakan. Dalam sampel kajian ini, didapati 389 cerapan mempunyai pengalaman kerja. Daripada 389 cerapan ini, 148 cerapan adalah tidak bekerja dan 241 cerapan bekerja. Ini bererti terdapatnya variasi bagi mereka yang mempunyai pengalaman kerja. Maka, kesan pengalaman kerja terhadap kebarangkalian bekerja dapat dianggarkan dan ini seterusnya membolehkan kesan interaksi pengalaman kerja dengan tahap pendidikan dinilai.

Kesan interaksi pengalaman kerja dengan tahap pendidikan tamat sekolah menengah (eexDq1f4) dan tahap pendidikan tamat kolej/maktab/STPM (eexDq1f5) didapati signifikan pada aras keertian 1%, dan interaksi tahap pendidikan tamat universiti (eexDq1f6) didapati signifikan pada aras keertian 10%. Ini bererti, pendidikan pada tahap sekolah menengah dan ke

atas yang disokong dengan pengalaman kerja didapati meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Kedah. Namun begitu, pemboleh ubah pendidikan, secara sendirinya (tanpa interaksi), tidak memberi pengaruh yang signifikan dalam kebarangkalian bekerja. Rajah 3 menunjukkan kesan tahap pendidikan yang berinteraksi dengan pengalaman kerja. Untuk melihat hasil penganggaran kesan ini (Lampiran 4).

Dalam Rajah 3, wanita berkahwin yang tiada pengalaman kerja dan wanita yang tidak pernah bersekolah ($Dq1f1-6=0$) mempunyai kebarangkalian bekerja yang paling tinggi (16.93%). Bagi mereka yang tidak tamat sekolah ($Dq1f1=1$), tamat sekolah rendah ($Dq1f2=1$), tidak tamat sekolah menengah ($Dq1f3=1$), tamat sekolah menengah ($Dq1f4=1$), tamat kolej/maktab/STPM ($Dq1f5=1$) dan tamat universiti ($Dq1f6=1$), kebarangkalian bekerja adalah 7.17%, 8.61%, 9.41%, 4%, 13.5%, dan 10.04% masing-masing. Secara keseluruhannya, kebarangkalian bekerja bagi wanita berkahwin tiada pengalaman kerja agak rendah, pada semua tahap pendidikan. Pendidikan bukan sahaja tidak meningkatkan kebarangkalian bekerja, malah mereka yang tidak pernah bersekolah mempunyai kebarangkalian bekerja yang paling tinggi.



RAJAH 3. Kesan tahap pendidikan dan pengalaman kerja ke atas kebarangkalian bekerja

Walau bagaimanapun, apabila memperolehi pengalaman kerja, pendidikan terutamanya pada tahap tamat sekolah menengah, kolej/maktab/STPM dan universiti akan meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Kedah dengan signifikannya. Ini ditunjukkan oleh keluk yang mewakili $Dq1f4=1$, $Dq1f5=1$ dan $Dq1f6=1$ dalam Rajah 3. Berbanding dengan keluk lain, kecerunan positif keluk $Dq1f4=1$, $Dq1f5=1$ dan $Dq1f6=1$ adalah lebih curam, iaitu kadar peningkatan kebarangkalian bekerja adalah semakin meningkat dengan tahap pendidikan.

Dapatan ini selaras dengan norma kerjaya bahawa pengalaman kerja berserta dengan kelulusan yang tinggi akan meningkatkan upah individu dan seterusnya meningkatkan kebarangkalian bekerja. Walau bagaimanapun, tahap pendidikan secara sendiri didapati tidak meningkatkan kebarangkalian bekerja. Keputusan ini menunjukkan bahawa walaupun pendidikan merupakan pelaburan untuk mendapatkan pekerjaan, namun ianya hanya akan meningkatkan kebarangkalian bekerja jika ada pengalaman bekerja. Oleh itu, usaha meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin melalui peningkatan dalam tahap pendidikan adalah tidak mencukupi. Sehubungan itu, bantuan mencari kerja selepas tamat pengajian adalah perlu supaya pengalaman bekerja yang diperolehi dapat meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin.

RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini mendapati pemboleh ubah agama tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di negeri Kedah. Tiada bukti bahawa faktor agama Islam mempengaruhi nilai masa keluarga wanita berkahwin serta kadar upah simpanan, dan seterusnya mempengaruhi kebarangkalian bekerja wanita berkahwin Muslim, berbanding dengan wanita berkahwin bukan Muslim. Dapatan ini adalah berbeza dengan kajian lepas mengenai wanita Muslim berkahwin di Israel. Perbezaan ini mungkin wujud atas dua sebab. Pertama, dalam kajian lepas di Israel, menggunakan agama yang dianuti sebagai proksi institusi agama, bukanlah merupakan satu proksi yang baik. Pemboleh ubah agama dianuti ini mungkin lebih sesuai menjadi proksi diskriminasi agama, daripada proksi institusi agama. Lebih-lebih lagi, sejauh mana kekuatan pegangan kepada agama tidak diukur. Pada pandangan kami, pengukuran ke atas kekuatan pegangan terhadap agama masing-masing dan melihat kesannya ke atas kebarangkalian bekerja, adalah proksi yang lebih sesuai untuk institusi agama. Tambahan pula, kesan persepsi masyarakat terhadap wanita

berkahwin yang bekerja, juga perlu dikawal dalam menilai kesan institusi agama dan budaya.

Konsisten dengan kajian lalu dan teori ekonomi, adalah didapati bahawa bilangan anak berumur kurang dari 6 tahun merupakan faktor yang penting dalam menentukan keputusan wanita berkahwin untuk menyertai tenaga buruh. Semakin ramai bilangan anak berumur kurang dari 6 tahun, semakin rendah kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Pada bilangan anak melebihi 2 orang yang berumur kurang dari 6 tahun, kebarangkalian bekerja wanita berkahwin berkenaan didapati menghampiri nilai kosong. Penyediaan pusat asuhan anak didapati membantu dalam meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin yang memiliki anak berumur kurang dari 6 tahun. Dalam konteks ini, untuk meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin yang memiliki anak berumur kurang dari 6 tahun, penyediaan pusat asuhan anak merupakan satu polisi yang sesuai.

Selain itu, bantuan penjagaan anak didapati boleh meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin dengan kadar yang tinggi bagi yang berusia muda sehingga umur mencecah 31 tahun. Secara purata, bagi wanita berkahwin dalam lingkungan umur 18 sehingga 31 tahun, kebarangkalian bekerjanya adalah kira-kira 65% jika menerima bantuan jagaan anak secara percuma, berbanding dengan kira-kira 25% jika tiada bantuan jagaan anak secara percuma. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi meningkatkan kebarangkalian bekerja wanita berkahwin yang berusia muda (18 sehingga 31 tahun), penyediaan bantuan jagaan anak secara percuma adalah satu langkah yang amat berkesan. Umpamanya, pihak kerajaan menggalakkan pihak majikan menyediakan perkhidmatan bantuan jagaan anak secara percuma atau dengan bayaran yang paling minimum di tempat kerja atau sekitar tempat kerja.

Bagi faktor tahap pendidikan, kajian ini mendapati bahawa pendidikan tidak mempunyai kesan signifikan terhadap kebarangkalian bekerja secara sendiri. Tetapi melalui interaksi dengan pengalaman kerja, ia mempengaruhi kebarangkalian bekerja secara positif dan signifikan. Dengan kata lain, mereka yang mempunyai pengalaman bekerja dan berpendidikan (berbanding dengan yang tidak pernah bersekolah), mempunyai kebarangkalian bekerja yang lebih tinggi. Malah, bagi wanita berkahwin dan berpendidikan kolej/maktab/STPM dan universiti, apabila pengalaman bekerja selama sembilan (9) tahun dan ke atas, kebarangkalian bekerja mereka adalah berhampiran dengan satu. Ini bererti, dalam usaha meningkatkan penyertaan guna tenaga buruh wanita berkahwin, galakan atau pemberian pendidikan sahaja tidak mencukupi. Bantuan untuk mencari kerja selepas

tamat pengajian (supaya pengalaman kerja boleh diperolehi) amatlah penting.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pemboleh ubah yang mempengaruhi penyertaan wanita berkahwin di negeri Kedah dalam guna tenaga memang pelbagai dan ini termasuk juga kesan tidak langsung iaitu melalui interaksi dengan pemboleh ubah lain. Dalam menilai kesan ke atas kebarangkalian bekerja wanita berkahwin, faktor agama didapati tidak signifikan. Tahap pendidikan pula didapati mempunyai kesan interaksi yang signifikan dengan pengalaman kerja. Faktor bilangan anak di bawah umur 6 tahun didapati signifikan dan juga mempunyai kesan interaksi dengan penyediaan pusat asuhan anak serta bantuan jagaan anak. Kerajaan terutamanya negeri Kedah seharusnya mengambil kira faktor ini dalam menggubal polisi untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan wanita dalam guna tenaga. Umpamanya, dari segi pendidikan, pelajar wanita harus diberi galakan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi serta disediakan bantuan mencari kerja apabila mereka tamat pengajian. Di samping itu, pihak kerajaan perlu membantu menyediakan lebih banyak kemudahan pusat jagaan anak dengan kos yang lebih rendah. Selaras dengan hasrat negeri Kedah menuju ke era perindustrian pada tahun 2010, penyertaan tinggi kaum wanita dalam guna tenaga amatlah penting. Sehubungan itu, kajian di masa hadapan adalah dicadangkan supaya terus meneroka kesan institusi agama dan budaya ke atas kebarangkalian bekerja wanita berkahwin dari aspek diskriminasi agama di pasaran buruh, kekuatan pegangan kepada agama serta persepsi masyarakat terhadap wanita berkahwin yang bekerja.

LAMPIRAN 1: REKA BENTUK PERSAMPELAN

Data digunakan dalam kajian ini adalah dikutip dari Norehan et al. (1999) berdasarkan persampelan gabungan strata dan kelompok.

Pada peringkat pertama, berdasarkan peta negeri Kedah, Kedah dikategorikan kepada dua, iaitu bandar (strata I) dan luar bandar (strata II). Strata I akan meliputi semua bandar di negeri Kedah, dan strata II pula meliputi semua luar bandar di negeri Kedah. Kemudian, lima bandar akan dipilih secara rawak daripada strata I, dan empat kawasan luar bandar akan dipilih secara rawak daripada strata II. Bandar dan luar bandar dipilih adalah seperti Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2. Bandar dan luar bandar dipilih

Bandar dipilih	Luar bandar dipilih
Padang Sera	Kg. Kuala Pai
Pokok Sena	Sungai Batang
Tikam Batu	Kg. Singkir Laut
Bandar Baharu Kulim	Kg. Kuala Temekah

Pada peringkat kedua, dalam setiap bandar dan luar bandar yang dipilih, persampelan berkelompok dilaksanakan. Setiap bandar dan luar bandar dipilih ini dibahagikan mengikut kawasan perumahan, iaitu taman dan kampung (kelompok-kelompok). Kemudian, senarai ini dipilih secara rawak. Taman/kampung yang dipilih adalah ditunjukkan oleh Jadual 3:

JADUAL 3. Taman/Kampung yang dipilih

Bandar	Taman/Kampung dipilih
Padang Sera	Taman Sera
Pokok Sena	Taman Sri Gading, Kampung Telaga Dala
Tikam Batu	Kampung Tikam Batu
Bandar Baharu Kulim	Kampung Parit Teropong, Kampung Besar Kampung Pohnh Ah Yong, Taman Angsana
Luar Bandar	Taman/Kampung dipilih
Kg. Kuala Pai	Kampung Kuala Pai
Sungai Batang	Kampung Paya
Kg. Singkir Laut	Kampung Singkir Laut
Kg. Kuala Temekah	Kampung Kuala Temekah

Semua unsur dalam taman/kampung yang dipilih ini menjadi sampel sasaran (targeted sample).

LAMPIRAN 2: DEFINISI DAN PENGUKURAN PEMBOLEH UBAH

Minggu rujukan:

Merujuk kepada jangka masa 7 hari sebelum tarikh temu ramah (seperti definisi Laporan Am Banci Penduduk).

Definisi bekerja:

Merujuk kepada mereka yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam semasa minggu rujukan untuk upah (berbentuk wang atau barang-barang), keuntungan dan faedah keluarga (kecuali kerja rumah tangga sendiri). Termasuk di dalam kategori bekerja ini ialah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, kecacatan/hilang upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau agama tetapi mempunyai pekerjaan untuk dikerjakan kembali (definisi Laporan Am Banci Penduduk).

Bekerja:

Ia diukur dalam bentuk kategori, iaitu sama ada bekerja atau tidak. Tidak bekerja hanya terhad kepada mereka yang tidak bekerja dan tidak aktif cari kerja.

Tingkat pendidikan:

Diukur mengikut peringkat persekolahan (termasuk kolej dan universiti), iaitu tidak pernah bersekolah, tidak tamat sekolah rendah, tamat sekolah rendah, tidak tamat sekolah menengah, tamat sekolah menengah, tamat kolej/maktab/STPM, dan tamat universiti.

Umur:

Diukur dalam tahun mengikut tarikh lahir.

Bilangan anak:

Bilangan anak, termasuk anak tiri/angkat yang di bawah tanggungan.

Bilangan tanggungan selain anak:

Tanggungan lain seperti keperluan menjaga ibubapa.

Umur setiap anak:

Diukur mengikut tahun berdasarkan tarikh lahir.

Lokasi tempat tinggal:

Dibahagikan kepada kategori bandar dan luar bandar.

Pusat asuhan anak:

Penyediaan pusat asuhan anak atau pusat sedemikian oleh kerajaan atau swasta di persekitaran tempat tinggal atau tempat bekerja.

Pengalaman kerja:

Digunakan sebagai pengukur kepada kemahiran bekerja individu. Diukur melalui tahun bekerja sejak umur 15 tahun (tidak termasuk kerja sambilan semasa cuti sekolah).

Kos penjagaan anak:

Kos ini diukur dalam bentuk ringgit Malaysia sebulan.

Penerimaan bantuan penjagaan anak:

Bantuan ini hanya terhad kepada yang dihulurkan oleh ahli keluarga atau saudara mara atau kawan secara percuma. Diukur dalam bentuk terima atau tidak.

Kos penjagaan tanggungan selain anak:

Kos ini diukur dalam bentuk ringgit Malaysia sebulan.

Agama:

Dibahagikan kepada kategori Islam, Kristian, Hindu, Buddha, Confucious/Tao/agama tradisi lain orang cina, agama suku kaum, lain-lain, tiada agama, tidak diketahui. Pembahagian ini adalah mengikut jadual (Jadual 3.2, ms. 108) di Laporan Am Banci Penduduk Jilid 2 1991.

Status rumah kediaman:

Sebagai satu pengukuran kepada kekayaan isi rumah. Mereka yang memiliki rumah sendiri dijangka mempunyai penglibatan yang rendah. Ia diukur dengan:

1. rumah kediaman sekarang adalah disewa.
2. rumah kediaman sekarang adalah milik sendiri dengan tanggungan ansuran pinjaman perumahan.
3. rumah kediaman sekarang adalah milik sendiri tanpa tanggungan ansuran pinjaman perumahan.
4. rumah kediaman sekarang adalah milik ibubapa/saudara-mara dan dibenarkan tinggal tanpa sewa.

LAMPIRAN 3: KESAN PENDIDIKAN DENGAN PENGALAMAN KERJA

eex	Dqlf1-6=0	Dqlf1=1	Dqlf2=1	Dqlf3=1	Dqlf4=1	Dqlf5=1	Dqlf6=1
0	0.1693	0.0717	0.0861	0.0941	0.0400	0.1350	0.1004
1	0.1886	0.0825	0.1053	0.1128	0.0611	0.2509	0.1833
2	0.2093	0.0945	0.1273	0.1340	0.0898	0.4050	0.2995
3	0.2312	0.1077	0.1523	0.1578	0.1276	0.5757	0.4407
4	0.2544	0.1223	0.1804	0.1842	0.1753	0.7332	0.5900
5	0.2787	0.1381	0.2115	0.2132	0.2329	0.8540	0.7272
6	0.3041	0.1553	0.2476	0.2447	0.2997	0.9312	0.8367
7	0.3305	0.1739	0.2825	0.2786	0.3741	0.9723	0.9127
8	0.3578	0.1938	0.3218	0.3146	0.4535	0.9906	0.9586
9	0.3858	0.2150	0.3632	0.3525	0.5348	0.9973	0.9826
10	0.4144	0.2376	0.4062	0.3918	0.6147	0.9993	0.9936
11	0.4435	0.2613	0.4505	0.4324	0.6900	0.9999	0.9979
12	0.4729	0.2863	0.4953	0.4736	0.7580	1.0000	0.9994
13	0.5024	0.3123	0.5402	0.5151	0.8170	1.0000	0.9999
14	0.5319	0.3393	0.5846	0.5565	0.8661	1.0000	1.0000
15	0.5613	0.3671	0.6280	0.5973	0.9053	1.0000	1.0000
16	0.5903	0.3956	0.6698	0.6370	0.9353	1.0000	1.0000
17	0.6188	0.4248	0.7095	0.6753	0.9573	1.0000	1.0000
18	0.6467	0.4543	0.7496	0.7118	0.9729	1.0000	1.0000
19	0.6739	0.4841	0.7816	0.7463	0.9834	1.0000	1.0000
20	0.7001	0.5140	0.8134	0.7785	0.9902	1.0000	1.0000
21	0.7253	0.5438	0.8421	0.8082	0.9944	1.0000	1.0000
22	0.7495	0.5733	0.8678	0.8353	0.9969	1.0000	1.0000
23	0.7725	0.6025	0.8904	0.8598	0.9984	1.0000	1.0000
24	0.7942	0.6311	0.9101	0.8817	0.9992	1.0000	1.0000
25	0.8147	0.6590	0.9270	0.9011	0.9996	1.0000	1.0000
26	0.8338	0.6860	0.9414	0.9180	0.9998	1.0000	1.0000
27	0.8516	0.7121	0.9535	0.9327	0.9999	1.0000	1.0000
28	0.8681	0.7371	0.9635	0.9452	1.0000	1.0000	1.0000
29	0.8833	0.7610	0.9716	0.9559	1.0000	1.0000	1.0000
30	0.8972	0.7836	0.9782	0.9647	1.0000	1.0000	1.0000
31	0.9098	0.8046	0.9834	0.9721	1.0000	1.0000	1.0000
32	0.9213	0.8249	0.9876	0.9782	1.0000	1.0000	1.0000
33	0.9316	0.8435	0.9908	0.9830	1.0000	1.0000	1.0000
34	0.9409	0.8608	0.9932	0.9870	1.0000	1.0000	1.0000
35	0.9491	0.8768	0.9951	0.9901	1.0000	1.0000	1.0000
36	0.9564	0.8914	0.9965	0.9925	1.0000	1.0000	1.0000
37	0.9628	0.9047	0.9975	0.9944	1.0000	1.0000	1.0000
38	0.9684	0.9168	0.9982	0.9959	1.0000	1.0000	1.0000
39	0.9733	0.9277	0.9988	0.9970	1.0000	1.0000	1.0000
40	0.9776	0.9374	0.9992	0.9978	1.0000	1.0000	1.0000
41	0.9813	0.9461	0.9994	0.9984	1.0000	1.0000	1.0000
42	0.9844	0.9538	0.9996	0.9989	1.0000	1.0000	1.0000

sambungan

LAMPIRAN 3. *sambungan*

eex	Dqlf1-6=0	Dqlf1=1	Dqlf2=1	Dqlf3=1	Dqlf4=1	Dqlf5=1	Dqlf6=1
43	0.9871	0.9607	0.9998	0.9992	1.0000	1.0000	1.0000
44	0.9894	0.9666	0.9998	0.9995	1.0000	1.0000	1.0000
45	0.9913	0.9718	0.9999	0.9996	1.0000	1.0000	1.0000
46	0.9929	0.9763	0.9999	0.9997	1.0000	1.0000	1.0000
47	0.9942	0.9802	1.0000	0.9998	1.0000	1.0000	1.0000
48	0.9953	0.9835	1.0000	0.9999	1.0000	1.0000	1.0000
49	0.9962	0.9864	1.0000	0.9999	1.0000	1.0000	1.0000
50	0.9970	0.9888	1.0000	1.0000	1.0000	1.0000	1.0000

LAMPIRAN 4: KOD DAN KETERANGAN PEMBOLEH UBAH YANG DIGUNAKAN

Kod	Keterangan	Kategori (bagi pemboleh ubah patung)
Dbdr	Pemboleh ubah patung kawasan tempat tinggal:	Dbdr=0 jika luar bandar Dbdr=1 jika bandar
Age	Umur (diukur dalam tahun)	
Dqlf1-6	Pemboleh ubah patung tahap pendidikan	Dqlf1=1 jika tidak tamat sekolah rendah Dqlf2=1 jika tamat sekolah rendah Dqlf3=1 jika tidak tamat sekolah menengah Dqlf4=1 jika tamat sekolah menengah Dqlf5=1 jika tamat kolej/maktab/STPM Dqlf6=1 jika tamat universiti Dqlf1-6=0 jika tidak pernah bersekolah
eexDqlf1-6	Pemboleh ubah interaksi antara pengalaman kerja (eex) dan tahap pendidikan	
Eex	Pengalaman kerja (diukur dalam tahun)	
Cco	Kos penjagaan anak (diukur dalam RM)	
Ocodorn	Kos penjagaan tanggungan selain anak (diukur dalam RM per tanggungan)	
Ccr	Pemboleh ubah patung penyediaan pusat asuhan anak di sekitar tempat tinggal atau kerja	Ccr=0 jika tiada pusat asuhan anak Ccr=1 jika ada pusat asuhan anak
Dhom1-3	Pemboleh ubah patung status rumah kediaman	Dhom1=1 jika sewa Dhom2=1 jika sendiri dengan tanggungan ansuran Dhom3=1 jika sendiri tanpa tanggungan ansuran Dhom1-3=0 jika tinggal bersama tanpa bayar sewa

sambungan

LAMPIRAN 4. *sambungan*

Kod	Keterangan	Kategori (bagi pemboleh ubah patung)
Cage06	Bilangan anak umur kurang dari 6 tahun	
Cage619	Bilangan anak umur 6 sehingga 19 tahun	
Cage20	Bilangan anak umur 20 tahun dan ke atas	
Chp	Pemboleh ubah patung penerimaan bantuan jagaan anak percuma	Chp=0 jika tiada bantuan Chp=1 jika ada bantuan
Health	Pemboleh ubah patung status kesihatan	Health = 0 jika tidak mengalami sakit berlanjutan Health = 1 jika mengalami sakit berlanjutan
Oin	Pemboleh ubah patung pendapatan lain (selain pendapatan buruh sepenuh masa suami-isteri)	Oin=1 jika ada pendapatan lain Oin=0 jika tiada pendapatan lain
Agechp	Pemboleh ubah interaksi antara umur dengan penerimaan bantuan jagaan anak percuma	
Ccrc06	Pemboleh ubah interaksi antara penyediaan pusat asuhan anak dan bilangan anak berumur kurang dari 6 tahun	
Dagama	Pemboleh ubah patung agama	Dagama = 1 jika beragama Islam Dagama = 0 jika beragama bukan Islam
Hag	Umur suami (diukur dalam tahun)	
Dhemp	Pemboleh ubah patung status kerja suami	Dhemp=1 jika suami bekerja Dhemp=0 jika suami tidak bekerja

sambungan

LAMPIRAN 4. *sambungan*

Kod	Keterangan	Kategori (bagi pemboleh ubah patung)
Dhq11-6	Pemboleh ubah patung tahap pendidikan suami	Dhq11=1 jika suami tidak tamat sekolah rendah Dhq12=1 jika suami tamat sekolah rendah Dhq13=1 jika suami tidak tamat sekolah menengah Dhq14=1 jika suami tamat sekolah menengah Dhq15=1 jika suami tamat kolej/maktab/STPM Dhq16=1 jika suami tamat universiti Dhq11-6=0 jika suami tidak pernah bersekolah
Dhql1-6	Pemboleh ubah interaksi antara pengalaman kerja suami (hex) dan tahap pendidikan suami	
Hex	Pengalaman kerja suami (diukur dalam tahun)	
Hhea	Pemboleh ubah patung status kesihatan suami	hhea = 0 jika tidak mengalami sakit berlanjutan hhea = 1 jika mengalami sakit berlanjutan

RUJUKAN

- Becker, Gary S. 1965. "A Theory of The Allocation of Time". *The Economic Journal*, Sept 1965, LXXV, 299, 493-517.
- Berger, M. C. & D. A. Black. 1991. "Child Care Subsidies, Quality of Care, and the Labor Supply of Low Income, Single Mothers". *The Review of Economics and Statistics*, Oktober 1991, 635-641.
- Blau, F. D. & A. J. Grossberg. 1991. "Real Wage and Employment Uncertainty and the Labor Force participation Decisions of Married Women". *Economic Inquiry*, XXIX, 678-695.
- Borjas, J. George. 1996. *Labor Economics*. International ed., Mc Graw Hill, New York.
- Boserup, Ester. 1970. *Woman's Role in Economic Development*. St. Martin Press Inc, New York.
- Ehrenberg, G. Ronald & Smith, S. Robert. 2000. *Modern Labor Economics: Theory and Public Policy*. 7th Ed., Addison-Wesley, USA.
- Ermisch, J. F. & R. E. Wright. 1993. "Wage Offers and Full-time and Part-time Employment by British Women". *The Journal of Human Resources* 28: 111-133.
- Greene, H. William. 1993. *Econometric Analysis*. 2nd ed., Macmillan, New York.
- Grossbard-Shechtman, S. & S. Neuman. 1998. "The Extra Burden of Moslem Wives: Clues from Israeli Women's Labor Supply". *Economic Development and Cultural Change* 46: 491-517.
- Laporan Ekonomi 1996. Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Laporan Penduduk Negeri Kedah: Banci Penduduk dan Perumahan 1991. Jabatan Perangkaan, Kuala Lumpur.
- Lester, Y. Bijou. 1996. "Part Time Employment of Married Women in the U.S.A.: A Cross-Sectional Analysis". *American Journal of Economics and Sociology* 55: 61-72.
- Mc Connell, C. R. & S. L. Brue. 1995. *Contemporary Labor Economics*. 4th ed. Mc Graw Hill, Inc.
- Mroz, A. Thomas. 1987. "The Sensitivity of An Empirical Model of Married Women's Hours of Work to Economic and Statistical Assumptions". *Econometrica* 55: 765-799.
- Nafziger, E. Wayne. 1997. *The Economics of Developing Countries*. 3rd ed., Prentice Hall: New Jersey.
- Nakamura, A. & M. Nakamura. 1994. "Predicting Female Labor Supply: Effects of Children and Recent Work Experience". *The Journal of Human Resources* XXIX: 305-327.
- Norehan Abdullah, H. E. Lim & Zalina Mohd Mohaideen. 2000. "Guna Tenaga Wanita di Bandar dan Luar Bandar Negeri Kedah: Satu Analisis Ekonometrik". *Prosiding Penyelidikan UUM 1999*, PPP UUM, 132-176.
- Rahmah Ismail. 1996. *Wanita dan Pekerjaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Quester, A. & W. Greene. 1982. "A State Preference Approach to Wives Labor Supply". *Social Science Quarterly* 63: 16-27.
- Williams, R. Donald. 1995. "Women's Part-time Employment: A Gross-flow Analysis". *Monthly Labor Review* 118: 36-43.

Fakulti Ekonomi
Universiti Utara Malaysia
Sintok
06010 Kedah
e-mail: lheam@uum.edu.my